

BUTTERWORTH, 18 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa usahawan Bumiputera merebut peluang dalam industri minuman tempatan, terutama pengeluaran jus buah-buahan yang berpotensi tinggi.

Perdana Menteri berkata, masih terdapat banyak peluang dalam industri berkenaan terutama untuk diceburi usahawan Bumiputera dan bersaing di pasaran antarabangsa.

"Pengeluaran jus buah-buahan tempatan digalakkan dan layak dipertimbangkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986, yang menawarkan beberapa galakan cukai," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Kilang Barkath Co-Ro Manufacturing Sdn Bhd di kawasan Perusahaan Mak mandin, di sini, hari ini.

Beliau berkata, kewujudan projek seumpama ini akan dapat membantu perkembangan industri minuman di negara ini terutama memastikan pembangunan jangka panjang industri pengeluaran makanan dan industri pemprosesan berkaitan.

Kata beliau, di samping memenuhi permintaan tempatan, terdapat juga ruang untuk mengeksport jus buah-buahan. Jumlah eksport jus buah-buahan ialah sebanyak RM17 juta pada tahun lepas, sedangkan pasaran antarabangsanya dianggarkan RM11,000 juta. -- Lagi.

▼18/07/20-05MST

CNS5819

U GB 18-07 00116 BB796

BAH

Mahathir - Jus 2 Butterworth

Dr Mahathir berkata, industri minuman juga dijangka berkembang pesat pada masa akan datang memandangkan prospek ekonomi yang begitu menggalakkan.

Permintaan tempatan untuk minuman ringan dijangka berkembang maju dengan semakin popularnya kedai makan segera dan peningkatan penduduk negara, kata beliau.

Beliau juga berkata, untuk membolehkan keluaran Malaysia berdaya saing di pasaran antarabangsa, pengusaha hendaklah mempertingkatkan lagi tahap teknologi, kemahiran keusahawanan dan kualiti pekerja dan pengurusan.

Mengenai pemindahan teknologi, beliau berkata, ia penting bagi meningkatkan produktiviti dan memantapkan pembangunan ekonomi jangka panjang.

"Adalah diharapkan dengan adanya lebih banyak usahasama syarikat tempatan dan asing, pembangunan teknologi industri tempatan akan dapat dipercepatkan." -- Lagi.

▼18/07/20-06MST

▲
CNS5820

U GB 18-07 00117 BB797

BAH

Mahathir - Jus 3 (Akhir) Butterworth

Dr Mahathir juga menyarankan agar Malaysia memperbaiki perkembangan pengeluaran industri pemprosesan makanan kerana negara masih merupakan pengimport makanan yang diproses.

Beliau berkata, walaupun industri pemprosesan makanan meningkat daripada RM4,600 juta pada tahun 1986 kepada RM9,400 juta tahun lepas, tetapi dianggarkan 70 peratus bahan-bahan mentah industri berkenaan diimport.

"Walaupun jumlah eksport meningkat daripada RM812 juta pada 1986 kepada RM2,026 juta tahun lepas, jumlah importnya juga meningkat daripada RM1,129 juta kepada RM2,363 juta dalam tempoh yang sama," katanya.

Malam ini, Dr Mahathir diraikan pada majlis jamuan malam anjuran Ketua Menteri Dr Koh Tsu Koon di Hotel Equatorial. -- Bernama.

ANR KHY KAM.